



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ALAM PERCINTAAN DAN ALAM RUMAH TANGGA DALAM NOVEL TERPILIH TAMIL DAN MELAYU

THINESH SUBRAMANIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
DOKTOR FALSAFAH (KESUSASTERAAN TAMIL)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serta membandingkan alam percintaan dan alam rumah tangga serta menganalisis aspek pengukuhan percintaan dan kegagalan rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis diskriptif. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan sembilan prinsip teori *Kalaviyal* dan lima prinsip teori *Karpiyal*. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga aspek alam rumah tangga dalam novel Tamil dan lima dalam novel Melayu, manakala tujuh aspek alam percintaan dalam kedua-dua buah novel tersebut. Dalam sudut perbandingan pula, terdapat persamaan dalam enam aspek alam percintaan dalam kedua-dua novel manakala bagi aspek alam rumah tangga pula terdapat dua perbezaan dalam novel Tamil dan empat perbezaan dalam novel Melayu. Selain itu, kajian ini juga menemui lapan aspek pengukuhan percintaan dan sepuluh aspek kegagalan rumah tangga dalam kedua-dua novel tersebut. Kesimpulannya, masyarakat Tamil dan Melayu mempunyai persamaan dan perbezaan tertentu dalam kehidupan alam percintaan dan alam rumah tangga. Implikasinya, pemahaman nilai-nilai persamaan dalam aspek alam percintaan dan alam rumah tangga yang dimiliki oleh masyarakat Tamil dan Melayu di Malaysia penting sebagai panduan memahami masyarakat di negara ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

LOVE LIFE AND MARRIED LIFE IN SELECTED TAMIL AND MALAY NOVELS

ABSTRACT

This study aims to identify and compare the love life and married life as well as to analyze the strength of love and the failure of married life in the selected Tamil and Malay novels. This study is a library research method which uses content and descriptive analysis. The analysis and discussions are based on the nine principles of *Kalaviyal* theory and five principles of the *Karpiyal* theory. The findings show that there are three aspects of married life in Tamil novels and five aspects in Malay novels, while there are seven aspects of love life in both the Tamil and Malay novels. From a comparative point of view, there are similarities in six aspects of love life in both the Tamil and Malay novels whereas there are two differences for married life in the Tamil novels and four differences in the Malay novels. Furthermore, the study also finds eight aspects of strength in love life and ten aspects of failure in married life in both Tamil and Malay novels. In conclusion, the Tamil and Malay communities have certain similarities and certain differences in their love life and married life. The implication is that the knowledge of the common values found in the love life and the married life of the Malaysian Tamil and Malay communities in Malaysia is important as a guide to understanding the communities of this country.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENGENALAN



1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Batasan Kajian	20
1.8 Sumber Kajian	24
1.9 Definisi Operasional	25
1.9.1 Alam Percintaan	25
1.9.2 Alam Rumah Tangga	26
1.9.3 Novel	26
1.10 Kesimpulan	27





BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	29
2.2 Penulis-Penulis Novel Terpilih Tamil	30
2.3 Penulis-Penulis Novel Terpilih Melayu	32
2.4 Sinopsis Novel-Novel Terpilih Tamil	34
2.5 Sinopsis Novel-Novel Terpilih Melayu	37
2.6 Kajian-Kajian Terdahulu	40
2.6.1 Tesis Tamil	41
2.6.2 Tesis Melayu	51
2.6.3 Jurnal Tamil	58
2.6.4 Jurnal Melayu	59
2.6.5 Kertas Kerja	60
2.6.6 Artikel	61
2.6.7 Buku Tamil	62
2.6.8 Buku Melayu	64
2.7 Kesimpulan	64



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	66
3.2 Reka Bentuk Kajian	67
3.2.1 Kerangka Kajian	68
3.3 Kaedah Kajian	69
3.3.1 Kaedah Analisis Teks	69
3.3.2 Kaedah Kajian Kepustakaan	70
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	71





3.5 Penganalisisan Data	71
3.6 Teori Kajian	72
3.6.1 Teori <i>Kalaviyal</i>	73
3.6.1.1 Pertemuan Pertama	74
3.6.1.2 Keraguan	74
3.6.1.3 Mengatasi Keraguan	75
3.6.1.4 Pandangan Pertama	76
3.6.1.5 Kerinduan	76
3.6.1.6 Memikat	77
3.6.1.7 Percintaan	78
3.6.1.8 Hubungan Intim	79
3.6.1.9 Persediaan Untuk Berkahwin	81
3.6.2 Teori <i>Karpiyal</i>	81
3.6.2.1 Perkahwinan	82
3.6.2.2 Kehidupan Berumah Tangga	82
3.6.2.3 Perpisahan	84
3.6.2.4 Keinsafan	87
3.6.2.5 Kehidupan Pada Usia Tua	87
3.7 Sejarah Sastera Bandingan	88
3.7.1 Sastera Bandingan, Sastera Dunia dan Sastera Umum	89
3.7.2 Objektif Kajian Sastera Bandingan	90
3.8 Kerangka Teori	91
3.9 Kesimpulan	93





BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	94
4.2 Alam Percintaan	95
4.2.1 Pertemuan Pertama	96
4.2.2 Keraguan	102
4.2.3 Mengatasi Keraguan	107
4.2.4 Kerinduan	113
4.2.5 Memikat	118
4.2.6 Percintaan	125
4.2.7 Hubungan Intim	158
4.2.8 Persediaan Untuk Berkahwin	181
4.3 Alam Rumah Tangga	188
4.3.1 Perkahwinan	210
4.3.2 Kehidupan Berumah Tangga	210
4.3.3 Perpisahan	250
4.3.4 Keinsafan	257
4.3.5 Kehidupan Pada Usia Tua	261
4.4 Menganalisis Pengukuhan Percintaan Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu Berdasarkan Teori <i>Kalaviyal</i>	265
4.4.1 Kerinduan	267
4.4.2 Sikap	271
4.4.3 Puji	276
4.4.4 Pemberian Hadiah Percintaan	278
4.4.5 Kekerapan Perjumpaan	282
4.4.6 Bantuan Rakan	286





4.4.7 Keyakinan	291
4.4.8 Persetujuan Ibu Dan Bapa	295
4.5 Menganalisis Kegagalan Rumah Tangga Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu Berdasarkan Teori <i>Karpiyal</i>	304
4.5.1 Kurang Kasih Sayang Daripada Suami	307
4.5.2 Jarang Meluangkan Masa Dengan Isteri	311
4.5.3 Pentingkan Hubungan Intim	314
4.5.4 Tidak Melindungi Isteri	317
4.5.5 Enggan Berkerja	320
4.5.6 Campur Tangan Ibu Mentua	324
4.5.7 Kerap Keluar Malam	326
4.5.8 Hubungan Sulit Dengan Perempuan Simpanan	327
4.5.9 Keganasan	330
4.5.10 Mencurigai Kesucian Isteri	333
4.6 Kesimpulan	340



BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	342
5.2 Penemuan	343
5.2.1 Mengenal Pasti Gambaran Alam Percintaan Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu	343
5.2.2 Mengenal Pasti Gambaran Alam Rumah Tangga Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu	347
5.2.3 Membandingkan Alam Percintaan Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu Berdasarkan Teori <i>Kalaviyal</i>	350
5.2.4 Membandingkan Alam Rumah Tangga Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu Berdasarkan Teori <i>Karpiyal</i>	356





5.2.5 Menganalisis Alam Percintaan Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu Berbanding Dengan Teori <i>Kalaviyal</i>	360
5.2.6 Menganalisis Alam Rumah Tangga Dalam Novel Terpilih Tamil Dan Melayu Berbanding Dengan Teori <i>Karpiyal</i>	361
5.3 Implikasi	362
5.4 Cadangan Kajian yang Selanjutnya	363
5.5 Kesimpulan	364
RUJUKAN	366
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Senarai Novel Terpilih Tamil	23
1.2 Senarai Novel Terpilih Melayu	23
4.1 Aspek Pertemuan Pertama	96
4.2 Aspek Keraguan	103
4.3 Aspek Mengatasi Keraguan	108
4.4 Aspek Kerinduan	113
4.5 Aspek Memikat	118
4.6 Aspek Percintaan	126
4.7 Aspek Hubungan Intim	158
4.8 Aspek Persediaan Untuk Berkahwin	182
4.9 Aspek Perkahwinan	189
4.10 Aspek Kehidupan Berumah Tangga	211
4.11 Aspek Perpisahan	249
4.12 Aspek Keinsafan	257
4.13 Aspek Kehidupan Pada Usia Tua	260
4.14 Aspek Pengukuhan Percintaan Berdasarkan Teori <i>Kalaviyal</i>	267
4.15 Penganalisan Aspek-Aspek Pengukuhan Percintaan Dalam Novel-Novel Terpilih Tamil Dan Melayu Berdasarkan Teori <i>Kalaviyal</i>	302
4.16 Aspek Kegagalan Rumah Tangga Berdasarkan Teori <i>Karpiyal</i>	306
4.17 Penganalisan Aspek-Aspek Kegagalan Rumah Tangga Dalam Novel Terpilih Tamil dan Melayu Berdasarkan Teori <i>Karpiyal</i>	336





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	68
3.2 Kerangka Teori	91



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pendaftaran Malaysia
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga
PENA	Persatuan Penulis Nasional
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
WAO	Women's Aid Organization
WCC	Women Crisis Centre
WHO	World Health Organization





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832

**Pendahuluan**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bidang kesusasteraan berkembang dengan pesatnya dalam zaman moden ini. Kehadiran kesusasteraan dengan gaya tertentu pada lumrahnya mematuhi kehendak masyarakat berkenaan pada ketika itu supaya mereka akan gembira menikmatinya (Vaiyapuri Pillai, 1974, p.22). Oleh itu, kemunculan corak dan bentuk kesusasteraan mengikut kehendak zaman serta keperluan masyarakat pada sesuatu peringkat berkenaan.

Dalam bab pertama ini, pengkaji akan menerangkan tentang latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Tambahan lagi, pengkaji juga akan menyatakan objektif kajian serta persoalan kajian. Di samping itu, dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan kepentingan kajian, batasan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



kajian serta sumber kajian. Kemudian, bab ini diakhiri dengan kesimpulan setelah mentakrifkan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera ialah suatu unsur yang memperlihatkan kisah manusia secara teratur dan terperinci. Genre-genre sastera ini menjadi sebagai panduan yang teratur untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat. Selain itu, sastera juga merupakan suatu alat yang memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Maka, sastera boleh dijadikan sebagai bahan bukti yang berupa dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Berikut ini, para pengkaji antropologi dan sosiologi menitikberatkan bahan sastera sebegini sebagai bukti untuk memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat (Jesuthas, 2010, p.8).

Perkembangan sastera Tamil moden abad ke-18 dikatakan sebagai abad yang penting. Novel dan cerpen dari Barat telah mula meresap dalam sastera penulisan prosa. Perkara tersebut turut memberi kesan kepada kesusasteraan Tamil yakni menukar wajah sastera klasik kepada sastera moden (Jesuthas, 2010, p.57).

Pada mulanya, *Prathapa Mudaliar Charithram* (*Life of Prathapa Mudaliar*) yang ditulis pada tahun 1857 dan diterbitkan pada tahun 1979 adalah novel pertama dalam Bahasa Tamil. Novel ini ditulis oleh Samuel Vedanayagam Pillai (1826-1889). Ia merupakan mercu tanda dalam kesusasteraan Tamil yang sebelum itu hanya terdapat





tulisan-tulisan dalam puisi. Setelah melihat perkembangan novel dalam kesusasteraan Barat maka Samuel Vedanayagam Pillai mula untuk melibatkan dirinya dalam dunia penulisan novel (Independent Publishing, 2017, p.6).

Sebenarnya, hasil ciptaan karya bangsa India menandakan suatu tahap perkembangan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India. Masyarakat India di Malaysia menggunakan bahasa Tamil sebagai alat pertuturan dan sebaran dalam usaha mengembangkan peradaban serta memajukkan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa (Akilan, 2002, p.25). Masyarakat India di Malaysia pada awalnya terdiri daripada ahli perniagan, duta politik dan ahli falsafah. Masyarakat India ketika itu tidak berusaha untuk membentuk tamadun di Tanah Melayu disebabkan mereka tidak bermastautin tetap.



Pada asalnya, konsep novel dibawa ke Tanah Melayu ketika pemerintahan Inggeris di Malaya. Maka, konsep novel ini turut dibawa bersama (Sababathy, 2007, p.120). Pada awal abad 20-an, penulisan novel Tamil mula berkembang. Novel Tamil yang pertama di Malaysia ialah novel bertajuk *Karunakaran Allathu Kathalin Matchi* ditulis pada 1917 oleh V. Vengadaratnam (Uthaya Shankar, 2010, p.4). Sekitar 1916 hingga 1938, sebanyak 25 novel telah diterbitkan di Malaysia dan mempunyai plot cerita berdasarkan India. Hal ini termasuk latar tempat, masa dan masyarakat juga berdasarkan India dan Sri Lanka (Sababathy, 1997, p.32).





Perkembangan novel Tamil selepas merdeka menunjukkan perbezaan kerana latar tempat dan masyarakat telah berubah. Lantas, penulisan novel mula mengisahkan kejayaan dan kecundangan masyarakat tempatan. Antara novel yang terkenal pada ketika itu ialah *Thuyarapathai* (1958), *Elacia Payanam* (1972), *Maravali Kizhanggu* (1979), *Payananggal Mudivathillai* (1988). Era 90-an pula telah mencatatkan perkembangan yang drastik dan ini terbukti apabila sebanyak 27 novel pada 1980 - 1990 telah diterbitkan. Manakala, sebanyak 43 buah novel diterbitkan antara 1990 - 1992. Tetapi, tiada sebarang novel diterbitkan pada tahun 1996, 2003 dan 2004 (Sababathy, 2007, p.12).

Kemunculan novel dalam dunia kesusasteraan mempunyai kedudukan yang istimewa. Perkara ini telah ditafsirkan oleh V.Sababathy (1996) dalam bukunya,



“There are not many rules to control this form of literature. It has the capacity to bend to any situation. Hence the creative writer is able to convey his idea in a broad manner. The novel is the only literary form where the creative writer has the right to stand with his legs apart and look into the many aspects of life from many angles with his own intuition” (Sababathy, 1996, p.58).

Secara realitinya, novel dari India banyak bertemakan marxisme dan kewanitaan pada 1990 - 1999. Keadaan ini berbeza di Malaysia kerana banyak novel bertemakan kewanitaan sahaja disuarakan melalui novel Tamil pada tahun tersebut. Terdapat banyak faktor yang mendorong perkembangan ini kerana keprihatinan pihak penerbitan surat khabar menyiaran novel dalam bentuk mingguan memberikan satu impak yang berkesan.





Selain itu, bengkel penulisan novel yang berterusan juga memainkan peranan penting dalam perkembangan novel di tanah air (Krishnan, 2010, p.34). Termasuklah pelbagai aktiviti pertandingan mengarang novel turut mengemarakan penulisan ini. Contohnya, pada tahun 2005- 2007, pihak *Malaysia Satelite Television* (ASTRO) bersama Persatuan Penulis Tamil Malaysia telah menganjurkan pertandingan menulis novel Tamil dan mendapat sambutan hangat daripada penulis veteran maupun yang muda.

Selain itu, R. Kartigesu, A. Rengsamy, C. Muthusamy, P. Chandrakantham, M. Ramaiyah merupakan penulis novel tempatan yang terkenal. Tambahan pula, banyak penulis cerpen telah mula menulis novel. R. Kartigesu merupakan penyumbang paling besar ke arah perkembangan novel Tamil Malaysia (Krishnan, 2010, p.34).



Manakala, penulisan novel Melayu bermula kira-kira tahun 1925 dan pesat sehingga 1941 iaitu 15 buah bagi tahun 1920-an dan 240 buah bagi tahun 1930-an hingga sebelum tercetus Perang Dunia Ke-2 (Safian Hussain, 1985, p.47). Daripada 165 buah novel, corak novel hikayatlah yang paling popular dan paling banyak ditulis (Hashim Awang, 1989, p.56). Beliau juga beranggapan bahawa kewujudan dan pembentukan novel-novel Melayu terutama dalam zaman awalnya mempunyai hubungan erat dengan bentuk hikayat lama. Novel-novel Melayu zaman permulaan seperti *Hikayat Faridah Hanum* (1925), *Hikayat Khaliq dan Malik* (1927) dan *Hikayat Perjumpaan Asyiq* (1927) adalah novel Melayu yang mempunyai ciri peralihan daripada ciri tradisional yang terdapat dalam hikayat dan penglipur lara kepada bentuk novel moden.





Perkembangan novel yang menggalakkan berlaku pada tahun 1930-an. Sebanyak 240 buah novel diterbitkan di sepanjang tahun 1930 hingga meletusnya Perang Dunia Ke-2. Jumlah karya yang diterbitkan megikut tahun ialah 1930 (8 buah), 1931 (4 buah), 1932 (4 buah), 1933 (3 buah), 1934 (4 buah), 1935 (20 buah), 1936 (30 buah), 1937 (35 buah), 1938 (16 buah), 1939 (24 buah), 1940 (13 buah), 1941 (50 buah) dan 1942 (3 buah). Novel yang paling popular pada tahun 1930 ialah *Melor Kuala Lumpur* karya Harun Aminurrashid (Safian Hussain, 1985, p.47).

Kedatangan Barat ke Alam Melayu memberi kesan perubahan ke atas pembentukan kesusasteraan Melayu moden. Proses cetakan yang diperkenalkan membolehkan hasil penulisan tersebar dengan luas. Hanya pada tahun-tahun 1920-an barulah muncul novel dan cerpen. Kelahirannya bukanlah secara mendadak dan merupakan hasil peniruan atau pengaruh daripada kesusasteraan Barat. Kedua-duanya terbentuk sebagai kesan daripada perkembangan secara evolusi daripada kesusasteraan Melayu tradisional. Novel yang diterbitkan mendapat sambutan hangat daripada masyarakat bukan kerana strukturnya, melainkan persoalan moden ala Barat yang ditimbulkan. Misalnya, persoalan-persoalan emansipasi wanita persoalan yang sungguh moden pada waktu itu (Hashim Awang, 1975, p.105). Novel 1920-an yang terkarang dan diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu mengandungi enam konsep novel Barat seperti yang dinyatakan di atas, tetapi sememangnya lebih tepat dinamakan hikayat. Bentuk novel hikayat yang terdapat dalam karya 1920-an dan 1930-an sudah tidak kelihatan lagi dalam novel-novel akhir 1940-an. Antara sebabnya ialah pola pendidikan, pola demografi, aktiviti ekonomi serta iklim sosial dan politik (Ungku Maimunah Mohd





Tahir, 1985, p.345). Faktor-faktor tersebut telah sama-sama mewujudkan satu corak sastera yang memperlihatkan dikotomi yang jelas antara kampung dan kota, khususnya daripada persepsi pengarang terhadap persekitaran mereka.

Tradisi penulisan novel Melayu moden di Malaysia hanya bermula kira-kira dalam tahun 1925, iaitu apabila novel berjudul *Kelebihan Bersahabat* diterbitkan di Muar, Johor. Kegiatan penulisan novel itu kemudiannya berkembang pesat sehingga tahun 1941 dalam zaman sebelum Perang Dunia Ke-2. Dalam tahap perkembangannya itu, telah terhasil kira-kira 165 buah novel (Zainal Abidin Bakar 1976, p.59-60) satu jumlah yang agak besar berbanding dengan usia perkembangannya yang masih terlalu muda.



Melayu. Mohd Safian Hussain, Mohd Thani dan Johan Jaafar menulis tentang *Sejarah Kesusastraan Melayu Jilid 1 (1981)*. Kajian mereka menegaskan bahawa *Hikayat Faridah Hanom* atau *Hikayat Setia Asyik kepada Maksyuknya* karya Syed Sheikh Al-Hadi merupakan novel pertama Melayu. Walaupun novel tersebut dikaitkan sebagai novel saduran, kebanyakkan pengkaji sastera bersetuju meletakkan novel tersebut sebagai novel Melayu pertama Malaysia. Hal tersebut turut diakui oleh Yahya Ismail dalam kajian beliau semasa melakukan kajian di peringkat ijazah di Monash, Australia (1973, p.89). Pada awal kemunculan novel tersebut, penerbitannya dilakukan secara bersiri dalam majalah dan akhbar-akhbar tempatan ataupun berpenggal mengikut jilid. Jilid pertama *Hikayat Faridah Hanom* disiarkan pada tahun 1925 dan jilid kedua diterbitkan pada tahun berikutnya.





Penubuhan institusi-institusi kesusteraan turut juga membawa kepada perkembangan novel-novel 60-an. Contohnya ialah penubuhan Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya yang banyak telah memberikan sumbangan ke arah menyediakan pengarang dan pengkritik novel yang berwibawa seperti Mohd Taib Osman, Abu Bakar Hamid, Ismail Hussein, Syed Husin Ali, Hassan Ibrahim, Ali Haji Ahmad dan Kasyim Ahmad. Terdapat juga persatuan atau pertubuhan penulis yang telah melaksanakan kegiatan secara aktif. Contohnya ialah PENA telah mengadakan pelbagai kegiatan sastera seperti ceramah, forum, kelab kritik dan bengkel-bengkel penulisan. Kesemua faktor ini telah menyebabkan perkembangan novel-novel Melayu 60-an mencapai kegemilangan dan pada tempoh tersebut sebanyak 238 buah novel telah dihasilkan (Ahmad Kamal Abdullah, 1992, p.260-262).



Di samping itu, dalam dekad 80-an dan 90-an novel-novel dikatakan tidak menampakkan sebarang penyimpangan. Salah satu keistimewaan yang timbul ialah novel pada dekad ini banyak yang mengungkapkan tema dan persoalan-persoalan kemasyarakatan yang berhubung dengan kepercayaan dan keagamaan terutama agama Islam telah diolah dengan serius dan ketara pada dekad ini. Pengarang-pengarang yang berkenaan mungkin terangsang oleh sesuatu isu atau fenomena yang terjadi di dalam anggota masyarakatnya atau di dalam kesusteraan Melayu itu sendiri khususnya yang menyentuh tentang sastera Islam di rantau Nusantara ini. Antara novel-novel yang boleh digolongkan ke dalam kelompok ini ialah *Masuk Ke Dalam Cahaya*, *Al-Syiqaq*, *Arabain*, *Hidayah*, *Mengejar Kedamaian*, *Seorang Guru Tua*, *Mereka Yang Ditewas*, *Imam*, *Ustaz*





Disebalik Sebuah Kubah, Nurul Hidayah, Kesesatan, Uzlah dan Ronjang (Ahmad Kamal Abdullah, 1992, p.49-50).

Maka secara kesimpulannya, novel merupakan suatu bentuk karya yang memberi ruang kepada penulis untuk menggarapkan peristiwa secara terperinci dan menarik untuk tetapan para pembaca. Kebebasan yang diberikan oleh genre novel kepada penulis ini digunakan oleh pengarang bagi menghasilkan karyanya dengan teliti dan panjang lebar. Setiap proses penulisan atau pengkaryaan ini mempunyai kedudukan yang tersendiri kerana wujud hubungan antara karya kreatif dengan pengaruh zaman. Pertindihan ini yang seterusnya berinteraksi dengan persekitaran sosio budaya dan pemikiran membolehkan pengarang mencipta karya tersendiri. Hasil karya sastera boleh dianggap sebagai suatu struktur yang dinamis hasil daripada sejarah kehidupan yang terus berlangsung.

Perkembangan kesusasteraan sesuatu bahasa menentukan ketuaan dan keutuhan bahasa tersebut. Ahli bahasa menentukan ketuaan sesuatu bahasa berdasarkan kesusasteraan klasik yang terdapat dalam bahasa tersebut (Ramayah, 1996, p.21). Bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa yang tertua di dunia. Hal ini dapat dibuktikan melalui karya-karya klasik yang dikarang semasa zaman *Cankam*. Pujangga-pujangga Tamil telah mengklasifikasikan perkembangan bahasa dan kesusasteraan Tamil kepada tiga zaman iaitu *Cankam* Pertama, *Cankam* Pertengahan dan *Cankam* Akhir Zaman. Zaman *Cankam* Pertama dikatakan telah meliputi selama 4540 tahun. Zaman *Cankam* Pertengahan berjalan selama 3700 tahun dan *Cankam* Akhir pula berjalan selama 1900 tahun. Ketiga-





tiga zaman *Cankam* tersebut wujud sebelum masihi. Sebenarnya *Cankam* dinamakan selepas satu majlis atau akademik penyair-penyair mahir yang berkumpul di Madurai, Tamil Nadu, India untuk membentang hasil karya masing-masing (Radhakrishnan, 1994, p.57). Majlis tersebut menjadi tulang belakang bagi kemajuan kesusastraan Tamil dan bahasa Tamil.

Pada zaman *Cankam* sebanyak sembilan belas karya klasik telah dihasilkan dan kesemua karya klasik tersebut masih dapat diperolehi dengan mudah (Srinivasa, 2001, p.102). Di samping itu, pada zaman *Cankam* tersebut beberapa karya menerangkan cara seorang lelaki dan wanita bagi menjalankan kehidupan mereka sebelum mahupun selepas perkahwinan. Salah sebuah karya *Cankam* yang masih dirujuk ialah karya keagungan

Tolkappiyam (5320 sebelum masihi) yang menjadi salah sebuah karya sastera Tamil yang tertua di dunia (Subramaniyan, 2004, p.74). Karya ini merupakan karya hasil *Tolkappiyar* yang menjadi garis panduan kepada masyarakat India menjalani kehidupan tradisi yang diperkaya dengan nilai dan norma yang diwarisi turun temurun. Karya ini masih didapati dengan mudah di India mahupun di Malaysia sendiri. Nama *Tolkappiyam* diterbitkan daripada gabungan dua patah kata iaitu *Tonmai* dan *Kappiyam*. *Tonmai* bermaksud kuno dan *Kappiyam* bermaksud sastera. Karya ini ditulis dalam bentuk *noorpa* atau karangan berumus pendek dan terdiri daripada tiga buah buku iaitu *Ezhuttadikaram* (pembentukan kata-kata dan gabungan perkataan), *Solladikaram* (syntax) dan *Poruladikaram* (penyampaian pemikiran). Setiap buku ini masing-masing mengandungi sembilan aspek. Misalnya, *Ezhuttadikaram* merangkumi aspek-aspek seperti *Nuul Marabu*, *Mozhi Marabu*, *Pirappiyal*, *Punariyal*, *Thokai Marabu*, *Urubiyal*, *Uyir Mayangial*, *Pulli*





Mayangial dan *Kutriyalukarappunariyal*. Aspek *Solladikaram* pula merangkumi aspek-aspek seperti *Kilaviyaakkam*, *Vetrumaiyiyal*, *Vetrumaimayangial*, *Vilimarabu*, *Peyarial*, *Vinaiyiyal*, *Idaiyiyal*, *Uriyyiyal* dan *Echchaviyal*. *Poruladikaram* pula terdiri daripada aspek-aspek seperti *Akaththinaiyiyal*, *Puraththinaiyiyal*, *Kalayival*, *Karpiyal*, *Poruliyal*, *Meyppaattiyal*, *Uvamayiyal*, *Seyyuliyal* dan *Marabiyal* (Subramaniyan, 2004, p.74).

Misalnya, di bawah aspek *Poruladikaram* (penyampaian pemikiran) dalam *Tolkappiyam* (5320 sebelum masihi) ini terdapat 2 aspek yang penting iaitu aspek *Kalaviyal* (alam percintaan) dan *Karpiyal* (alam rumah tangga). Oleh sebab itu, pengkaji akan menjalankan kajian ini berdasarkan alam percintaan (*Kalaviyal*) dan alam rumah tangga (*Karpiyal*) yang akan digunakan sebagai teori dalam kajian ini (Subramaniyan, 2004, p.74).



Secara ringkasnya, pengkaji mengkaji alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu. Selain itu, pengkaji juga akan membandingkan alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*. Di samping itu, pengkaji juga akan menganalisis aspek pengukuhan percintaan dan kegagalan rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*.





1.3 Pernyataan Masalah

Masyarakat Tamil telah berhijrah masuk ke seluruh Asia Tenggara pada abad ketiga lagi. Maka, segala kebudayaan mereka turut dibawa masuk serta berkembang pesat di Asia Tenggara. Manakala, masyarakat Melayu pula tersebar di seluruh Asia Tenggara pada abad ke-15. Maka, di situ kebudayaan mereka turut berkembang pesat di Asia Tenggara (Peter, 1977, p.123-125).

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum yang hidup secara aman dan damai. Walaupun terdiri daripada pelbagai kaum namun kehidupan setiap masyarakat tersebut khasnya alam percintaan dan alam rumah tangga boleh dikatakan hampir sama antara satu sama lain terutamanya di antara kaum India dan juga kaum Melayu. Hal ini berlaku disebabkan oleh hubungan pertalian yang erat sesama setiap kaum khususnya kaum India dan Melayu sejak sebelum kemerdekaan lagi iaitu sebelum tahun 1957 walaupun masing-masing dikatakan mengamalkan kehidupan monogami dan poligami. Perkara ini menyebabkan cara kehidupan khususnya alam percintaan dan alam rumah tangga adalah hampir sama. Maka, dapat dikatakan banyak kebudayaan masyarakat India turut berkembang dengan pesat dalam kalangan masyarakat Melayu. Misalnya, majlis sanding yang diamalkan dalam kalangan masyarakat India dapat juga dilihat dalam kalangan masyarakat Melayu. Sebagai tambahan lagi, adat penghantaran tepak sirih yang didapati dalam kalangan masyarakat Melayu dapat juga dikesan dalam kalangan masyarakat India sama ada dalam upacara pertunangan mahu pun perkahwinan. Manakala, percintaan pula dikatakan sesuatu yang





universal di alam ini di mana ia wujud dan berlaku secara semula jadi tanpa mengira bangsa, agama, bahasa dan juga jantina (Zeynap, 2015, p.23).

Namun demikian, pada abad ke-21 ini cara kehidupan masyarakat tersebut lebih cenderung ke arah zaman moden yang dilengkapi dengan pelbagai teknologi yang canggih. Perkara tersebut menyebabkan alam percintaan dan alam rumah tangga kaum India dan Melayu yang menetap di bandar kemungkinan besar masih lagi sama atau pun mungkin telah berubah jika dibandingkan dengan zaman dahulu. Maka, hal ini menyebabkan wujudnya suatu lompong yang memberikan ruang kepada pengkaji supaya perkara ini dikaji dengan lebih jelas dan terperinci melalui kajian yang dijalankan ini.



Walaupun banyak pengkaji telah membuat kajian mengenai novel Tamil namun tiada kajian yang dibuat oleh mana-mana pengkaji mengenai alam percintaan dan alam rumah tangga iaitu berdasarkan novel-novel terpilih Tamil dan juga Melayu. Memandangkan hal tersebut, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengenal pasti gambaran alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu, membandingkan alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu mengikut teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* dan menganalisis aspek pengukuhan percintaan dan kegagalan rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berbanding dengan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*. Pengkaji menggunakan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* iaitu teori yang digunakan oleh masyarakat Tamil untuk mengenal pasti alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel-novel terpilih Tamil





dan juga Melayu. Hal ini kerana, terdapat beberapa persamaan budaya di antara masyarakat Tamil dan Melayu sejak dahulu lagi seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Orang-orang Tamil dibawa ke Tanah Melayu sebagai buruh sewaktu penjajahan British (Zahari, 2008. p.41). Apabila integrasi dalam kalangan orang Melayu dan Tamil bermula menjadi semakin erat maka mereka mempraktikkan budaya satu sama lain secara beransur. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kedudukan kawasan persekitaran yang berdekatan. Tradisi India adalah unsur utama yang dinyatakan dalam sejarah Malaysia. Ubaithulla (2001, p.165) berkata amalan bangsa dan adat bangsa Malaysia berputar erat dengan tradisi kaum India. Yang hebat, asimilasi budaya berlaku di antara orang Melayu dan Tamil apabila kaum India dari negara India datang ke Tanah Melayu dan mula mengamalkan perkahwinan kacukan. Misalnya, Abdullah Musyi adalah seorang India-Muslim yang berasal dari keturunan Hindu. Neneknya adalah seorang Hindu yang kemudian memeluk agama Islam dan berpindah dari Kedah ke Melaka (Hamzah, 2007, p.6). Semasa penjajahan British di Tanah Melayu, sesetengah orang yang datang dari negara India menetap di Melaka dan mereka hilang hubungan dengan negara asal mereka. Kemudian, mereka berkahwin dengan wanita Melayu di sini. Maka, itulah menjadi titik permulaan asimilasi budaya dalam kalangan orang Melayu dan Tamil di Tanah Melayu. Pada mulanya ini gaya hidup sepasang suami dan isteri berdasarkan kepercayaan agama Hindu. Abdullah Munsyi juga menunjukkan bahawa orang-orang Melayu pada masa dahulu sanggup menerima budaya orang Tamil sewaktu penjajahan British di Tanah Melayu (Ubaithulla, 2001, p.165).





Maka, dengan penggunaan teori Tamil ini dapat dikatakan bahawa selain menggambarkan perpaduan perkauman di antara masyarakat Tamil dan Melayu melalui penggunaan novel-novel terpilih Tamil dan Melayu kajian ini juga akan mengeratkan lagi perpaduan dengan kukuh di antara kedua-dua masyarakat tersebut di negara kita. Justeru, melalui kajian ini pengkaji mengharapkan lompang-lompang yang terdapat dalam kajian mengenai novel-novel terpilih Tamil dan Melayu dapat diisi dengan sempurna.

Pengkaji telah memilih tajuk “Alam Percintaan dan Alam Rumah Tangga Dalam Novel Terpilih Tamil dan Melayu”. Penyelidikan ini memberi ruang kepada pengkaji untuk mengkaji teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* pada zaman klasik berdasarkan karya *Tolkappiyam* 5320 sebelum masihi (Vellaivaranan, 2001, p.54) dan juga pada zaman moden sekarang iaitu berpandukan novel terpilih Tamil dan Melayu.



Maka, pengkaji akan menggunakan karya *Tolkappiyam* sahaja sebagai panduan dalam kajian ini. Dalam *Tolkappiyam* (5320 sebelum masihi) pengasanya iaitu *Tolkappiyar* telah menerangkan secara lebih terperinci akan cara-cara seorang lelaki dan wanita harus hidup dalam alam percintaan dan juga dalam alam rumah tangga mereka. Falsafah kehidupan ini diterangkan di bawah aspek *Poruladikaram* (penyampaian pemikiran). Walaupun teks *Tolkappiyam* ini berbentuk puisi namun masih lagi dapat digunakan sebagai bahan panduan dalam kajian ini.





Karya ini telah mengklasifikasikan alam kehidupan masyarakat India ketika itu kepada dua bahagian, iaitu alam percintaan dan juga alam rumah tangga mereka. Pada zaman klasik, alam percintaan dan alam rumah tangga yang diamalkan adalah selaras dengan norma dan nilai kehidupan zaman tersebut. Hal ini bermaksud corak hubungan yang dijalankan antara seorang lelaki dengan seorang wanita sewaktu alam percintaan dan juga sewaktu alam rumah tangga adalah bersesuaian dengan tuntutan zaman *Cankam* tersebut.

Misalnya, di bawah aspek *Poruladikaram* (penyampaian pemikiran) *Kalaviyal* atau kehidupan alam percintaan merupakan corak hubungan antara kehidupan seorang lelaki dengan seorang wanita setelah mereka bertemu dan jatuh dalam percintaan. Dalam teks *Tolkappiyam*, *Kalaviyal* menyatakan bahawa seseorang lelaki dan wanita akan bertemu secara sulit tanpa diketahui oleh kedua-dua pihak ibu bapa mereka. Biasanya, pasangan ini akan terdiri daripada pasangan dalam dalam lingkungan umur yang sama dan mempunyai sifat yang agak sama. Pertemuan antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebelum perkahwinan tidak dipandang rendah oleh masyarakat sekeliling namun akan ditentang tegas oleh kedua-dua pihak ibu bapa mereka (Vellaivaravar, 2001, p.69). Teori *Kalaviyal* ini akan diterangkan secara lebih terperinci dalam bab tiga.

Manakala, *Karpiyal* atau kehidupan alam rumah pula merupakan corak hubungan sepasang suami isteri selepas perkahwinan mereka. Kehidupan ini juga boleh dikatakan sebagai kehidupan monogami. Berdasarkan konsep monogami ini, seseorang wanita akan berkahwin dengan seseorang lelaki mengikut pelbagai upacara keagamaan.





Perkahwinan seperti ini akan dipersetujui dan dilangsungkan oleh kedua-dua belah pihak ibu bapa mereka. Namun demikian, pelbagai upacara keagamaan semasa perkahwinan hanya dijalankan oleh masyarakat India yang bertaraf tinggi dalam kedudukan kasta yang biasanya terdiri daripada golongan Brahmin dan orang kaya seperti ahli peniaga. Namun, mengikut peredaran zaman, amalan ini turut diikuti oleh semua lapisan masyarakat India secara menyeluruh. Oleh sebab wujud beberapa kekeliruan dalam upacara perkahwinan ini maka seorang tok sami yang dipercayai akan arif upacara ini dilantik untuk mengetuai majlis perkahwinan (Vellaivaravar, 2001, p.85). Teori *Karpiyal* ini akan diterangkan secara lebih terperinci pada bab tiga.



Kajian ini menjurus kepada objektif-objektif yang berikut :

- i. Mengenal pasti gambaran alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu.
- ii. Membandingkan alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*.
- iii. Menganalisis aspek pengukuhan percintaan dan kegagalan rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*.





1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut :

- i. Apakah alam percintaan dan alam rumah tangga yang digambarkan dalam novel terpilih Tamil dan Melayu?
- ii. Sejauh manakah persamaan dan perbezaan alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*?
- iii. Apakah aspek pengukuhan percintaan dan kegagalan rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*?



1.6 Kepentingan Kajian

Hasil analisis kajian ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca tentang alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu. Kajian ini menunjukkan terdapat beberapa persamaan serta perbezaan alam percintaan mahupun alam rumah tangga dalam novel-novel terpilih Tamil dan Melayu yang digunakan oleh pengkaji. Oleh sebab itu, kajian ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti hubungan antara masyarakat Tamil serta Melayu dengan jelas sekali khususnya dalam alam percintaan dan juga alam rumah tangga. Di samping itu, kajian ini juga akan menjadi sebagai bahan pembacaan masyarakat Tamil dan juga masyarakat Melayu di Malaysia untuk mengenali lebih mengenai alam percintaan dan juga alam





rumah tangga yang diamalkan pada zaman kini. Kajian ini juga memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan untuk lebih mengenali taraf kesusasteraan Tamil di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan. Kajian ini akan menunjukkan bahawa masyarakat Tamil dan Melayu mempunyai persamaan dan perbezaan tertentu dalam kehidupan alam percintaan dan alam rumah tangga. Walaupun percintaan yang lahir merupakan sesuatu yang universal dalam kalangan manusia di muka bumi ini namun dari segi budaya pula kedua-dua masyarakat Tamil dan Melayu mengamalkan beberapa budaya yang sama sejak dahulu lagi. Misalnya, majlis sanding serta adat penghantaran tepak sirih dalam upacara pertunangan mahu pun perkahwinan merupakan budaya yang diikuti oleh masyarakat Tamil mahupun Melayu di negara ini.



Sebagai tambahan lagi, kita dapat melihat dengan jelas asimilasi budaya masyarakat Tamil dalam amalan upacara ritual orang Melayu. Kita boleh mengenal pasti bahawa orang Melayu mengikuti budaya orang Hindu dalam upacara majlis keramat Diraja, upacara istana dan dalam upacara ritual yang lain. Beberapa jenis masakan dan pakaian juga disesuaikan dengan orang Melayu. Pada masa itu, orang India yang datang ke Tanah Melayu sebagai pedagang merancang untuk tinggal di sini dan berkahwin dengan orang Melayu tempatan. Mereka mula mengadopsi beberapa adat Melayu terutama dari segi makanan dan pakaian. Tetapi, kumpulan ini telah mengikuti kepercayaan agama Hindu. Mereka masih membawa upacara keagamaan Hindu tetapi dalam Bahasa Melayu. Oleh sebab itu, kita dapat melihat beberapa upacara Melayu sama dengan agama Hindu (Zahari, 2008, p.33). Pada zaman dahulu, mereka lebih teruja





dengan budaya yang diasimilasikan. Dalam era klasik Tamil, raja-raja dan putera-putera sangat bermurah hati dan mereka memberi insentif sama ada dalam bentuk wang atau hadiah berharga. Malah, lelaki dan wanita yang kaya juga mengikuti prinsip ini dalam kehidupan mereka. Kita dapat melihat bukti ini dalam *Purananuru* yang menyatakan seorang wanita memberi wang dan permata kepada pemuzik yang menjaganya semasa ketiadaan suami (Vengkadesan, 2007, p. 68).

Oleh sebab itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk memahami nilai-nilai persamaan dalam aspek alam percintaan dan alam rumah tangga yang dimiliki oleh masyarakat Tamil dan Melayu di Malaysia. Maka, dengan ini perpaduan di antara masyarakat Tamil dan Melayu dapat dieratkan dengan lebih kukuh pada masa kini dan



1.7 Batasan Kajian

Pengkaji telah memilih masing-masing 3 buah novel Tamil dan Melayu sebagai bahan untuk menjalankan kajian ini. Novel-novel tersebut adalah novel yang berjudul *Mathu*, *Kuyil Kuuva Thuyil Eluppa*, *Koodugal Kolangalanaal*, *Badai Semalam*, *Hatimu Aisyah* dan *Menongkah Lumrah*. Novel-novel ini dihasilkan dari tahun 1996 hingga 2013. Walaupun terdapat banyak novel Tamil dan Melayu diterbitkan di Malaysia namun keenam-enam novel yang dipilih sahaja dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti mengenai alam percintaan mahupun alam rumah tangga seperti yang dijelaskan dalam





teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*. Hal ini kerana, tiga novel terpilih Tamil dan tiga novel terpilih Melayu sahaja dapat menggambarkan aspek kehidupan sebelum perkahwinan dan juga aspek kehidupan selepas perkahwinan dengan jelas sekali seperti yang dinyatakan dalam teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* di karya *Tolkappiyam*. Tambahan lagi, pengkaji hanya memilih novel Tamil dan Melayu sahaja disebabkan oleh cara penulisan cerita dalam novel-novel tersebut mudah difahami untuk menjalankan kajian ini dengan lebih terperinci. Di samping itu juga, pengkaji memilih novel-novel Tamil dan Melayu selepas tahun 80-an bagi mengenal pasti sejauh manakah kehidupan zaman teknologi mendorong kepada perubahan cara kehidupan masyarakat India dan Melayu khususnya dalam kehidupan sebelum dan juga selepas perkahwinan. Selain itu, pengkaji memilih novel yang ditulis oleh penulis-penulis wanita sahaja kerana cara pemikiran penulisan wanita



05 adalah berbeza jika dibandingkan dengan cara pemikiran penulisan penulis lelaki khasnya dalam hal kehidupan sebelum dan juga selepas perkahwinan. Hal ini disebabkan oleh, cara pemikiran penulis wanita adalah lebih kepada realiti yang mengisahkan kehidupan sebelum mahupun selepas perkahwinan. Di samping itu, kesemua penulis novel-novel yang dipilih ini adalah seorang yang berpengalaman dalam bidang penulisan mereka serta telah memperolehi beberapa anugerah di peringkat kebangsaan untuk hasil karya mereka. Misalnya, walaupun Komathy Veluplay belum lagi memperolehi apa-apa anugerah bagi novel yang dihasilkan oleh beliau namun hasil karyanya mendapat sambutan yang terhangat daripada pembaca dalam kalangan remaja di Malaysia khususnya di masyarakat Tamil. Sebagai tambahan lagi, penulis ini telah menceburi diri dalam bidang penulisan sejak tahun 2013 (Mageswary, 2007, p.3). Nirmala Permal pula pernah memperolehi anugerah *Dato' Patmanathan* pada tahun 2002 dan terlibat dalam dunia penulisan yang





diminati sejak tahun 1970 (Mageswary, 2007, p.3). Manakala, Paavai bermula untuk menulis novel Tamil sejak tahun 1965 dan pernah mendapat hadiah *Nesan Pavun Parisugal* pada tahun 1973 dan 1974. Beliau juga pernah mendapat anugerah *Tanga Pathakam* bagi hasil karya cerpen *Annamary Ninaivu* (Mageswary, 2007, p.3). Penulis novel Melayu iaitu Khadijah Hashim pula mendapat Anugerah Penulis Asia Tenggara pada 1999 dan menceburi dalam bidang penulisan sejak tahun 1974 (Yulduz, 1995, p.436). Seterusnya, Zurinah Hassan pernah mendapat Tokoh Sasterawan Negara yang ke-13 pada 13 Oktober 2015. Beliau telah menceburi dalam bidang penulisan ini sejak tahun 1974 (Yulduz, 1995, p.437). Akhirnya, Azmah Nordin juga pernah mendapat Hadiah Pertama Peraduan Menulis Novel pada tahun 1991, Hadiah Sastera Sabah pada tahun 1993 dan Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1992. Penulis ini bermula untuk menulis sejak tahun 1980 (Yulduz, 1995, p.438).

Tambahan lagi, penulis-penulis yang dipilih ini menggambarkan alam percintaan dan juga alam rumah tangga seperti yang dinyatakan di teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* dengan jelas sekali dalam karya novel-novel mereka yang digunakan sebagai bahan dalam kajian ini. Walaupun penulis-penulis ini telah menulis dan menerbitkan beberapa novel namun novel-novel yang terpilih ini sahaja menggambarkan alam percintaan mahupun alam rumah tangga seperti yang dijelaskan dalam karya *Tolkappiyam*. Senarai novel-novel tersebut ditunjukkan seperti pada jadual di bawah.





Jadual 1.1

Senarai Novel Terpilih Tamil

Bil.	Novel	Penulis	Bil. Muka Surat	Tahun
1	<i>Mathu</i>	Komathy Veluplay	299	2013
2	<i>Kuyil Kuuva Thuyil Eluppa</i>	Nirmala Permal	222	2002
3	<i>Koodugal Kolangalanaal</i>	Paavai	176	1997

Jadual 1.2

Senarai Novel Terpilih Melayu

Bil.	Novel	Penulis	Bil. Muka Surat	Tahun
1	<i>Badai Semalam</i>	Khadijah Hashim	187	2011
2	<i>Hatimu Aisyah</i>	Zurinah Hassan	240	2000
3	<i>Menongkah Lumrah</i>	Azmah Nordin	265	1996



Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* sebagai teori kajian. Teori ini dihasilkan oleh *Tolkappiyar* dalam karya keagungan *Tolkappiyam*. Karya keagungan *Tolkappiyam* ini dihasilkan pada 5320 sebelum masihi (Vellaivaravar, 2001, p.54).

Kalaviyal dan *Karpiyal* masing-masing membawa maksud kehidupan alam percintaan dan kehidupan alam rumah tangga. *Kalaviyal* atau kehidupan alam percintaan bermaksud corak hubungan antara kehidupan seorang lelaki dengan seorang wanita setelah mereka bertemu dan jatuh alam dalam percintaan. Manakala, *Karpiyal* atau kehidupan alam rumah tangga bermaksud corak hubungan sepasang suami isteri selepas perkahwinan mereka. *Kalaviyal* dan *Karpiyal* ini masing-masing mengisahkan





kehidupan manusia semasa percintaan dan juga semasa kehidupan rumah tangga secara umum di mana ia merupakan unsur-unsur yang berlaku dalam realiti kehidupan manusia di muka bumi ini.

Tambahan lagi, kedua-dua teori ini masing-masing merupakan sebuah teori yang universal. Hal ini kerana, teori ini tidak menyentuh langsung mengenai hal keagamaan mana-mana masyarakat. Sebaliknya, teori ini hanya mengisahkan kehidupan manusia semasa alam percintaan dan juga semasa alam rumah tangga sahaja.

Justeru, dalam kajian ini pengkaji hanya akan melihat kehidupan alam percintaan dan kehidupan alam rumah tangga yang bersifat universal dalam novel-novel terpilih

Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* yang terdapat dalam karya keagungan *Tolkappiyam*. Sebagai tambahan lagi, pengkaji akan mengenal pasti gambaran kehidupan alam percintaan dan juga kehidupan alam rumah tangga berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* tanpa mengaitkan hal mengenai keagamaan mahupun hal kontroversi masyarakat Tamil dan juga masyarakat Melayu.

1.8 Sumber Kajian

Kajian tesis ini dihasilkan berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini adalah berdasarkan novel terpilih Tamil dan Melayu yang diterbitkan dari tahun 1996 hingga 2013 yang berkaitan alam percintaan dan alam rumah tangga.





Manakala, penggunaan sumber sekunder berdasarkan kepada bahan-bahan cetak seperti tesis, jurnal, buku dan prosiding. Di samping itu, kajian kepustakaan juga digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Bagi mencapai maksud kajian, beberapa konsep penting dan bermakna perlu diberi takrifan mengikut konteks tajuk kajian. Pernyataan maksud bagi setiap konsep adalah bertujuan untuk mempermudahkan dan menghuraikan masalah kajian. Pengkaji akan menekankan definisi bagi setiap unsur yang digunakan dalam kajian ini. Misalnya, pengkaji akan memberikan definisi bagi alam percintaan, alam rumah tangga dan novel secara lebih terperinci lagi. Konsep-konsep tersebut adalah seperti berikut.

1.9.1 Alam Percintaan

Mengikut karya *Tolkappiyam* (2008, p.314), alam percintaan merupakan hubungan percintaan antara seorang lelaki dengan wanita atas naluri kesukaan (*Inpam*), ketatanegaraan (*Porul*) dan kesusilaan virtue (*Aram*). Karya *Tolkappiyam* menyatakan bahawa kehidupan ini akan dipenuhi dengan percintaan sesama pasangan kekasih yang dicintai itu. Pasangan kekasih ini akan bercinta tanpa diketahui oleh pengetahuan kedua-dua belah ibu dan bapa mereka. Tambahan lagi, mengikut karya *Tolkappiyam* kehidupan





ini dikatakan akan berterusan sehingga ke peringkat perkahwinan pasangan kekasih tersebut.

1.9.2 Alam Rumah Tangga

Mengikut karya *Tolkappiyam* (2008, p.338), alam rumah tangga merupakan tradisi hidup sepasang suami dan isteri yang berkahwin sehingga usia tua. Karya *Tolkappiyam* menyatakan bahawa pasangan hidup ini akan melalui kegembiraan mahupun beberapa konflik sewaktu melalui setiap detik dalam kehidupan rumah tangga mereka. Namun, mengikut karya *Tolkappiyam* sepasang suami dan isteri yang telah berkahwin ini tidak sama sekali bercerai mahupun hidup berasingan walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai kerumitan dalam kehidupan mereka. Namun, wujud juga beberapa perpisahan pada masa-masa yang tertentu Walau bagaimana pun, mereka tetap akan hidup bersama dengan anak-anak dalam setiap detik kehidupan mereka sehingga ke usia tua mereka.

1.9.3 Novel

Novel ialah fiksyen yang diolah secara realistik sehingga khalayak benar-benar merasai peristiwa yang dipaparkan menerusi aksi tokoh-tokoh yang bergerak menerusi hukum sebab dan akibat merupakan manifestasi kepada kehidupan manusia sehari-harian. Perkataan novel berasal daripada istilah Itali berbunyi *novello* (Dhandayudham, 1980, p.75). Sesuatu cerita yang berbentuk baru menerima gelaran sebagai novel dalam bahasa





Inggeris (Baktavasalam, 1977, p.19). Begitu juga, dengan cerita rekaan yang wujud dalam Tamil dinamakan sebagai *Puthinam*, *Nhavel*, *Nhavinam* atau *Nhavinakam* yang terkandung dalam kamus Tamil (Visvanathan, 1976, p.22). Perkataan novel ialah istilah bahasa Inggeris yang digunakan mengikut sebutan baharu Tamil. Perkataan novel dinyatakan dalam bahasa Inggeris boleh juga diterjemahkan dengan tepatnya dalam bahasa Tamil sebagai *Puthinam*. *Lexican Tamil* menerangkan istilah *Putinam* sebagai pembaharuan dan dalam bahasa Inggeris pula sebagai *novelty* (*Tamil Lexicon*, 1976, p.12). V.Sababathy (1999, p.12) pula menyatakan bahawa novel merupakan bentuk kesusasteraan yang begitu menonjol pada era ini. Selain itu, antara genre sastera yang diminati, novel mempunyai kedudukan yang istimewa. Lazimnya, novel didefinisikan sebagai wacana yang mengandungi pengintegrasian elemen-elemen intrinsik seperti plot, tema, latar, gaya dan elemen-elemen lain yang sekali gus membezakannya daripada karya lain.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, liputan kajian yang diketengahkan adalah tentang alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu untuk pembacaan masyarakat. Kajian ini berobjektif untuk mengenal pasti gambaran alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu, membandingkan alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* dan juga menganalisis pengukuhan percintaan dan kegagalan rumah tangga





dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal*. Melalui pelaksanaan objektif-objektif tersebut pengkaji mendapati kajian ini penting kerana memberi gambaran yang jelas mengenai persamaan dan perbezaan alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* setelah mengenal pasti gambaran alam percintaan dan alam rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu. Sebagai tambahan lagi, kajian ini juga dapat membantu pengkaji untuk menganalisis aspek pengukuhan percintaan dan kegagalan rumah tangga dalam novel terpilih Tamil dan Melayu berdasarkan teori *Kalaviyal* dan *Karpiyal* yang digambarkan oleh penulis dalam novel terpilih Tamil dan Melayu.

